

Universiti ke Sekolah: Panduan Menganjurkan Program Berimpak
(*University to School: A Guide to Organizing Impactful Programs*)

NURWALIYUDDIN HANIS ZAINAL ABIDIN

ABSTRAK

Penurunan kadar pendaftaran pelajar ke universiti di Malaysia telah menimbulkan kebimbangan terhadap masa depan pendidikan tinggi negara. Faktor sosioekonomi, sokongan ibu bapa, dan motivasi diri memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keputusan pelajar untuk melanjutkan pelajaran. Pendedahan kepada kehidupan akademik dan aktiviti sosial di universiti serta pendedahan hala tuju kerjaya yang jelas boleh meningkatkan keinginan pelajar sekolah untuk melanjutkan pelajaran di menara gading. Oleh itu, pelajar universiti digalakkan terlibat dalam menganjurkan program akademik yang memberikan pendedahan tentang peluang pendidikan dan kerjaya kepada pelajar sekolah. Namun, terdapat cabaran dalam penganjuran aktiviti di sekolah, seperti kekurangan sukarelawan, masa, dana, dan kerjasama dengan agensi luar, yang boleh mengurangkan impak program. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk berkongsi garis panduan dan kaedah pelaksanaan program universiti ke sekolah. Ia menggariskan keperluan perancangan dan pengurusan sistematik bagi memastikan kejayaan program, termasuk pembentukan jawatankuasa, penyediaan kertas kerja, permohonan kelulusan, perancangan kewangan yang teliti, strategi mendapatkan pembiayaan, serta kerjasama dengan badan bukan kerajaan dan syarikat swasta. Senarai semak disertakan sebagai panduan dalam memastikan semua elemen ini tercapai. Program kolaborasi universiti-sekolah yang terancang mampu memberikan kesan positif terhadap peningkatan aspirasi akademik pelajar sekolah, serta membina nilai-nilai insaniah seperti tanggungjawab, integriti, empati, dan kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, dan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar universiti.

Kata kunci: Garis Panduan, Program Berimpak Tinggi, Kepimpinan, Universiti, Sekolah

ABSTRACT

The declining university enrolment rate among Malaysian students has raised pressing concerns regarding the long-term sustainability of the nation's higher education sector. Socioeconomic challenges limited parental support, and low self-motivation have been identified as key factors influencing students' decisions to pursue tertiary education. Meaningful exposure to university life including academic culture, social engagement, and clear career pathways can significantly enhance school students' aspirations to continue their studies. In response, university students are encouraged to organise outreach programs that introduce school students to higher education and career opportunities. Nevertheless, challenges such as limited volunteer participation, time constraints, funding shortages, and difficulties in securing collaboration with external agencies may undermine program effectiveness. This article presents a comprehensive set of guidelines for planning and executing impactful university-to-school programs. It underscores the necessity for systematic planning and management to ensure the program's success, encompassing the establishment of an organizing committee, preparation of a comprehensive project proposal, navigation through approval processes, meticulous financial planning, strategic approaches to securing funding, and fostering collaborations with non-governmental organizations and private sector entities. A detailed checklist is provided to support effective implementation. A well-structured university-school collaboration program can positively influence school students' academic aspirations while simultaneously cultivating essential soft skills such as responsibility, integrity, empathy, communication, teamwork, and problem-solving among participating university students.

Keywords: Guideline, High-Impact Programs, Leadership, University, School

PENDAHULUAN

Laporan mendedahkan bahawa hampir 390,000 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak berminat untuk menyambung pelajaran. Ini adalah satu angka yang membimbangkan kerana ia berpotensi mengganggu sasaran negara untuk mencapai 35 peratus tenaga mahir menjelang 2030 (Hamid et al., 2024; Radzi et al., 2024). Selain itu, kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT), khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM), telah menunjukkan penurunan ketara (Baskaran & Abdullah, 2023; Idris et al., 2023).

Kajian menunjukkan bahawa pelbagai faktor yang mempengaruhi keputusan pelajar untuk tidak melanjutkan pengajian. Antaranya adalah status sosioekonomi keluarga, tahap motivasi diri, sokongan daripada ibu bapa, dan persepsi bahawa melanjutkan pelajaran tidak menjamin masa depan yang lebih baik (Hamid et al., 2024; Khadijah et al., 2017; Mitsopoulou & Pavlatou, 2024). Malah, faktor-faktor ini turut memberi kesan kepada prestasi pelajar dalam mata pelajaran kritikal seperti Matematik dan Sains, yang boleh mempengaruhi keputusan mereka untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi (Nugent et al., 2015).

Malahan, pelajar dari kawasan pedalaman menghadapi cabaran tambahan disebabkan oleh kekurangan akses dan peluang lawatan ke universiti (Fray et al., 2020). Sekolah yang terletak jauh dari IPT sering tidak mempunyai kemudahan untuk menganjurkan lawatan akademik. Jurang antara universiti dan sekolah ini menyebabkan pelajar sekolah kurang faham fungsi dan keperluan melanjutkan pelajaran di menara gading. Akibatnya, minat pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti semakin menurun.

Pada hari ini, kita menyaksikan pelbagai program telah dirangka oleh universiti untuk mendekati komuniti. Program yang dianjurkan oleh universiti di sekolah-sekolah telah menunjukkan kesan positif terhadap motivasi dan pencapaian pelajar (Anggara et al., 2024; Rizaldi et al., 2022). Walaubagimanapun, pelajar universiti yang menjalankan aktiviti sosial dan kebajikan ini sering berhadapan dengan halangan seperti kekangan kewangan dan kesukaran mendapatkan kerjasama daripada pihak sekolah (Bock et al., 2025; Pagliawan & Comaling, 2024). Kekangan masa dan kekurangan sukarelawan disebabkan oleh komitmen akademik yang tinggi juga menjejaskan perancangan aktiviti. Program universiti yang tidak sistematik dan bersifat "one-off" kurang memberi impak yang berpanjangan kepada komuniti sasaran (Archer et al.,

2021).

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pelajar universiti dalam menguruskan projek berimpak tinggi secara lebih terperinci dan berstruktur. Dengan adanya panduan ini, diharapkan program yang dianjurkan oleh universiti ke sekolah bukan sahaja dapat menarik minat pelajar sekolah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, tetapi juga memudahkan pelajar universiti dalam merancang dan melaksanakan program dengan lebih sistematik dan berkesan. Panduan ini merangkumi penubuhan jawatankuasa, penyediaan proposal, kelulusan kampus, kelulusan kerjasama dengan sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri, dan badan bukan kerajaan (NGO), persiapan tempat, pengisian program, pengumpulan maklum balas dan pelaporan. Dengan pelaksanaan yang lebih tersusun, program universiti ke sekolah bukan sahaja akan memberikan manfaat kepada pelajar sekolah, malah akan memperkukuhkan peranan universiti dalam membentuk masyarakat yang berilmu dan berdaya saing di masa hadapan.

KAEDAH METODOLOGI

Penubuhan Ahli Jawatankuasa

Dalam memastikan kelancaran sesuatu program, penubuhan jawatankuasa yang sistematik adalah asas kepada pengurusan projek yang berkesan. Setiap ahli jawatankuasa memainkan peranan penting dalam menyelaraskan tugas masing-masing bagi memastikan program berjalan dengan lancar. Oleh itu, pemilihan jawatankuasa harus dilakukan dengan teliti, mengambil kira komitmen dan kepakaran individu yang dilantik. Carta alir pada Rajah 1 merumuskan empat langkah dalam pengurusan dan pelaksanaan program. Senarai semak terperinci disertakan dalam Jadual 1. Senarai semak ini dihasilkan berdasarkan bukti amalan yang baik serta pengalaman lapangan penulis menjadi pengarah projek komuniti di sekolah.

Jawatankuasa utama yang perlu dibentuk terdiri daripada beberapa peranan utama. Penyelaras (pengarah) projek bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kejayaan program, memastikan setiap bahagian berjalan lancar serta menyelia tugas semua ahli jawatankuasa. Timbalan penyelaras pula bertindak sebagai pembantu utama dalam aspek pentadbiran serta menggantikan penyelaras utama jika diperlukan. Setiausaha memainkan peranan penting dalam menyediakan dokumen rasmi, mencatat minit mesyuarat, dan mengendalikan komunikasi rasmi. Bendahari pula bertanggungjawab terhadap pengurusan



RAJAH 1. Carta alir pengurusan dan pelaksanaan program.

kewangan, memastikan perbelanjaan dilakukan dengan telus serta menyediakan laporan kewangan yang lengkap.

Selain jawatan utama, beberapa jawatankuasa tambahan juga perlu diwujudkan bagi menguruskan aspek tertentu program. Jawatankuasa logistik bertanggungjawab dalam penyediaan tempat, pengangkutan, dan peralatan teknikal. Jawatankuasa persegaran menguruskan penyediaan makanan dan minuman untuk peserta serta penganjur. Jawatankuasa protokol dan jemputan memastikan penyelarasan jemputan rasmi termasuk tetamu kehormat, wakil institusi, dan media. Jawatankuasa protokol juga turun memainkan peranan dalam perancangan gimik perasmian sekiranya perlu. Jawatankuasa penajaan pula berperanan dalam mendapatkan tajaan dan sumber pembiayaan daripada pelbagai pihak seperti badan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat swasta melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat mereka.

Penyediaan Kertas Kerja

Kertas kerja merupakan dokumen rasmi yang menjadi asas dalam merancang dan melaksanakan program. Dokumen ini bukan sahaja memberi gambaran menyeluruh tentang objektif dan keperluan program, tetapi juga digunakan sebagai bahan rujukan bagi mendapatkan kelulusan serta tajaan daripada pihak berkaitan. Oleh itu, penyediaan kertas kerja harus dilakukan secara sistematik dan mengikut format yang ditetapkan.

Struktur kertas kerja biasanya mengandungi beberapa elemen penting, termasuk muka hadapan yang mengandungi tajuk program, nama universiti dan rakan

kolaborasi, tarikh, tempat, serta masa pelaksanaan. Bahagian pengenalan pula memperkenalkan latar belakang penganjur serta menggariskan isu semasa yang menjadi pernyataan masalah bagi projek ini. Bahagian objektif menetapkan matlamat utama penganjuran, manakala kumpulan sasaran dan jangkaan impak menjelaskan manfaat yang akan diperoleh oleh peserta.

Sekiranya program ini melibatkan penajaan, kertas kerja harus mengandungi pakej tajaan yang menerangkan kelebihan bagi penaja, seperti liputan media, ruang promosi, atau insentif cukai. Jika projek ini berbentuk pertandingan, bahagian syarat penyertaan, sistem pemarkahan, dan hadiah juga perlu dinyatakan dengan jelas bagi memastikan ketelusan dalam pengendalian acara. Cadangan belanjawan pula perlu disediakan bagi menganggarkan kos keseluruhan program serta sumber perolehan yang diperlukan. Untuk menambah nilai dokumen, poster hebahan program juga boleh dilampirkan sebagai bahan sokongan.

Permohonan Kelulusan dan Implikasi Kewangan

Sebelum program dapat dilaksanakan, permohonan kelulusan perlu dibuat kepada beberapa pihak yang berkaitan. Kelulusan rasmi ini bukan sahaja membolehkan penganjur menjalankan aktiviti dengan sah, malah turut memudahkan proses mendapatkan penajaan, logistik dan penyertaan peserta.

Permohonan kelulusan harus dimulakan dengan menghantar kertas kerja rasmi kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) universiti untuk mendapat persetujuan institusi. Proses ini lazimnya mengambil masa 1 hingga 2 minggu, bergantung kepada prosedur universiti masing-masing. Setelah kelulusan diperoleh,

JADUAL 1. Senarai semak pengurusan dan pelaksanaan program universiti ke sekolah.

Fasa	Langkah	Status (√)
Perancangan dan Persediaan	Kenal Pasti Keperluan dan Objektif	
	Tetapkan jurang atau isu yang ingin ditangani antara universiti dan pelajar sekolah	
	Tetapkan objektif yang jelas dan boleh diukur	
	Tentukan kumpulan sasaran dalam kalangan pelajar sekolah	
	Bentuk Jawatankuasa	
	Lantik jawatan utama seperti Koordinator Projek, Timbalan, Setiausaha dan Bendahari	
	Pilih ahli jawatankuasa berdasarkan komitmen dan kepakaran	
	Tubuhkan sub-jawatankuasa tambahan jika perlu	
	Penyediaan Kertas Kerja	
	Sediakan muka hadapan dengan maklumat program	
	Tulis pengenalan dan pernyataan masalah	
	Nyatakan objektif program dengan jelas	
	Tentukan kumpulan sasaran dan kesan yang diharapkan	
	Sertakan pakej tajaan jika mencari penaja	
	Jelaskan syarat penyertaan, sistem pemarkahan dan hadiah jika ada pertandingan	
	Sediakan cadangan bajet terperinci	
	Tiada implikasi kewangan kepada peserta	
	Lampirkan poster program dan mohon semak format poster dengan universiti	
	Dapatkan Kelulusan Universiti	
	Hantar kertas kerja ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) untuk kelulusan	
	Ketahui tempoh pemprosesan yang diperlukan	
	Dapatkan Kebenaran Luar	
	Hantar surat rasmi ke sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri untuk kebenaran dan jemputan perasmian	
	Dapatkan Pembiayaan	
	Cari peluang pembiayaan dari universiti, NGO, PIBG, geran komuniti atau syarikat swasta	
	Mohon resit pengecualian cukai jika menarik penaja	
Kolaborasi dan Penglibatan	Bekerjasama dengan Sekolah	
	Lakukan lawatan awal ke sekolah untuk membincangkan keperluan logistik	
	Tentukan pihak yang akan mengeluarkan jemputan rasmi	
	Dapatkan kebenaran sekolah untuk pelajar membawa telefon pintar untuk aktiviti	
Kolaborasi dan Penglibatan	Libatkan Rakan Kolaborasi	
	Bekerjasama dengan NGO atau syarikat untuk mendapatkan dana, kepakaran atau bahan pembelajaran	
	Tawarkan slot ucapan atau pameran kepada badan kerajaan jika sesuai	

	Reka Aktiviti Menarik
	Pendaftaran peserta secara atas talian
	Rancang aktiviti yang menarik, santai dan relevan
	Gunakan kaedah penyampaian interaktif
	Sertakan kuiz dalam talian seperti Kahoot atau Quizziz
	Sediakan pelbagai aktiviti seperti ceramah, bengkel interaktif, permainan pendidikan
	Integrasikan elemen Pendidikan Berasaskan Nilai (VBE)
Pelaksanaan Program	Selaraskan aktiviti dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)
	Sediakan Sijil Penyertaan
	Gunakan sijil digital untuk mengurangkan kos cetakan
	Urus Logistik
	Pastikan persiapan tempat, pengangkutan dan peralatan teknikal mencukupi
	Urus Persegaran
	Sediakan makanan dan minuman untuk peserta serta penganjur
	Urus Protokol dan Jemputan
	Pastikan koordinasi jemputan rasmi berjalan lancar
	Kumpul Maklum Balas
	Gunakan borang soal selidik atau kaedah lain untuk mengumpul maklum balas peserta
	Nilai Impak
Penilaian dan Pelaporan Pasca Program	Lakukan analisis keberkesanan program
	Gunakan soal selidik sebelum dan selepas program untuk menilai perubahan persepsi
	Galakkan refleksi daripada pelajar universiti yang terlibat
	Sediakan Laporan Komprehensif
	Dokumentasikan pencapaian dan pengajaran daripada program
	Hantar laporan kepada universiti dan JPN
	Sertakan maklum balas peserta, analisis keberkesanan dan cadangan penambahbaikan
	Tambah foto aktiviti dan testimoni peserta dalam laporan

surat rasmi perlu dihantar kepada pihak sekolah serta Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi mendapatkan kebenaran mengadakan aktiviti di sekolah atau untuk tujuan jemputan.

Dari segi implikasi kewangan, pelajar universiti tidak dibenarkan untuk mengutip sebarang yuran penyertaan daripada pelajar sekolah. Oleh itu, penganjur boleh memohon dana daripada universiti, badan NGO, swasta atau Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Selain itu, pihak kementerian juga turut menawarkan geran komuniti yang boleh dipohon dari semasa ke semasa bagi membiayai program yang memberi manfaat kepada masyarakat. Perancangan awal perlu sekiranya ingin memohon geran komuniti dari kementerian.

Jemputan dan Rakan Kolaborasi

Surat jemputan merupakan elemen penting dalam memastikan penglibatan pihak berkaitan dalam program

ini. Lawatan awal ke sekolah harus dilakukan bagi membincangkan persetujuan serta keperluan logistik seperti dewan, peralatan teknikal audio dan video, persegaran, serta pengurusan jemputan. Surat jemputan boleh dikeluarkan oleh kedua-dua pihak – sama ada pihak universiti menjemput sekolah atau sebaliknya, bergantung kepada keperluan program.

Selain pihak sekolah, rakan kolaborasi dari NGO (persatuan-persatuan luar universiti yang bersifat akademik) atau syarikat swasta dan perniagaan juga boleh dilibatkan untuk memberikan sokongan dalam bentuk dana, kepakaran, atau sumbangan peralatan pembelajaran. Untuk menarik perhatian penaja, pihak penganjur boleh memohon resit pengecualian cukai daripada jabatan bendahari universiti. Kolaborasi juga boleh diperluaskan kepada badan kerajaan yang mempunyai agenda pembangunan komuniti, dengan menawarkan slot ucapan atau pameran sebagai pertukaran bagi sokongan mereka.

Pengendalian Aktiviti dan Penilaian Program

Bagi memastikan program menarik dan berimpak tinggi, aktiviti harus disusun dengan mengambil kira keperluan peserta serta kaedah penyampaian interaktif. Salah satu pendekatan yang boleh digunakan ialah sesi kuiz atas talian melalui aplikasi *Kahoot* atau *Quizziz*, yang boleh dijalankan semasa acara penutupan. Sebelum program berlangsung, AJK juga perlu berbincang dengan pihak sekolah bagi membenarkan pelajar membawa telefon pintar untuk menyertai aktiviti digital ini.

Sijil penyertaan adalah salah satu insentif yang penting bagi pelajar sekolah dalam menyokong permohonan akademik mereka di masa hadapan. Untuk mengurangkan kos pencetakan, sijil digital boleh disediakan melalui *Google Form* dan *Autocrat*, yang membolehkan penjaan sijil secara automatik bagi semua peserta.

Selepas program berakhir, penyediaan laporan lengkap harus dilakukan sebagai dokumentasi pencapaian serta rujukan bagi program akan datang. Laporan ini akan dikemukakan kepada universiti dan JPN untuk dijadikan rekod rasmi. Laporan yang baik harus mengandungi maklum balas peserta, analisis keberkesanan program, serta cadangan penambahbaikan. Elemen tambahan seperti gambar aktiviti dan testimoni peserta juga boleh dimasukkan bagi mengukuhkan impak program.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan program "Universiti ke Sekolah" benar-benar berimpak, penganjur perlu melakukan analisis konteks yang mendalam. Fleksibiliti dalam menyesuaikan strategi pendekatan, kandungan program, dan pengurusan logistik berdasarkan realiti di kawasan bandar atau luar bandar akan menjadi kunci kejayaan. Di kawasan luar bandar, usaha mungkin perlu lebih tertumpu kepada mengatasi halangan asas dan meningkatkan kesedaran, manakala di kawasan bandar, fokusnya mungkin kepada penawaran program yang lebih khusus dan berdaya saing. Penekanan kepada faktor seperti sokongan ibu bapa dan motivasi diri pelajar adalah penting di kedua-dua konteks, tetapi pendekatan untuk menanganinya mungkin berbeza.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Pelaksanaan program Universiti ke Sekolah bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar sekolah yang menyertainya, malah turut membawa impak yang signifikan kepada pelajar universiti yang terlibat dalam penganjurannya. Dengan mengintegrasikan elemen pendidikan berasaskan nilai (Value-Based Education,

VBE) dan menyelaraskan program ini dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDG) yang berkaitan, program ini berpotensi untuk melahirkan individu yang lebih berdaya saing, berilmu, dan bertanggungjawab terhadap pembangunan komuniti (Huang et al., 2024).

Namun, kejayaan program ini sangat bergantung kepada tahap perancangan dan pengurusan aktiviti yang sistematik dan tersusun. Tanpa perancangan yang rapi, pelaksanaan program boleh menjadi tidak efektif, kurang berimpak, dan gagal mencapai objektif utama. Oleh itu, pengurusan yang berstruktur memainkan peranan penting dalam memastikan setiap aspek program dapat berjalan dengan lancar dan memberi manfaat maksimum kepada semua pihak yang terlibat (Cornwell et al., 2019).

Dalam konteks ini, perancangan awal merupakan faktor utama yang menentukan keberkesanan program. Ini termasuklah pembentukan jawatankuasa pelaksana, penyediaan kertas kerja, dan permohonan kelulusan daripada pihak yang berkaitan seawal mungkin. Pelantikan individu yang berkecuali dalam jawatankuasa adalah penting bagi memastikan setiap tugas dilaksanakan dengan baik. Sebagai contoh, penyelarasan program harus memiliki kepimpinan yang kuat, bendahari harus mempunyai kemahiran pengurusan kewangan, manakala pasukan promosi dan dokumentasi perlu cekap dalam mengendalikan komunikasi dan media. Tanpa struktur organisasi yang jelas, program boleh menghadapi pelbagai masalah seperti kurang koordinasi, kelewatan dalam pelaksanaan, serta kesukaran mendapatkan sokongan daripada pihak luar (Hayat et al., 2022).

Selain itu, pengurusan aktiviti yang teliti juga memastikan sumber yang ada digunakan secara optimum. Pengurusan kewangan yang sistematik membolehkan pelajar universiti mendapatkan tajaan dan geran dengan lebih berkesan, sekaligus mengelakkan kekurangan dana yang boleh menjejaskan program. Kelemahan dalam pengurusan kewangan sering menjadi punca kegagalan program komuniti, terutamanya apabila belanjawan tidak diurus dengan baik (Humavindu & Stage, 2015; Turpie & Letley, 2021). Oleh itu, setiap program perlu mempunyai perancangan kewangan yang jelas, termasuk unjuran perbelanjaan dan strategi penjaan dana melalui kolaborasi dengan badan kerajaan, sektor swasta, NGO, atau alumni.

Satu lagi elemen penting dalam perancangan program ialah susunan jadual dan aktiviti yang tersusun. Aktiviti yang terlalu padat boleh menyebabkan peserta cepat letih dan hilang fokus, manakala aktiviti yang tidak menarik mungkin gagal mencapai objektif program.

Oleh itu, setiap sesi perlu dirancang dengan mengambil kira keperluan dan minat peserta, serta kepelbagaian kaedah penyampaian seperti sesi ceramah, bengkel interaktif, permainan pendidikan, dan perbincangan kumpulan kecil. Pendekatan interaktif dan santai seperti mentor-menti dan lawatan maya boleh meningkatkan motivasi pelajar sekolah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi (Brown et al., 2021; Jameson & Torres, 2019; Tinoco-Giraldo et al., 2020). Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja menyediakan sokongan akademik tetapi juga membantu pelajar membina kemahiran penting yang diperlukan untuk berjaya dalam pendidikan tinggi.

Di samping itu, pemantauan dan penilaian selepas program juga memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan sesuatu aktiviti. Soal selidik sebelum dan selepas program boleh digunakan untuk mengukur perubahan persepsi dan minat pelajar sekolah terhadap pendidikan tinggi (Liputo et al., 2025). Analisis reflektif daripada pelajar universiti yang terlibat juga boleh membantu mengenal pasti aspek yang boleh diperbaiki untuk program pada masa hadapan. Kajian menunjukkan bahawa program yang mempunyai sistem pemantauan dan penilaian yang baik lebih cenderung untuk memberi impak jangka panjang berbanding program yang dijalankan secara bersifat sekali beri tanpa penilaian keberkesanan (Ba, 2021; Muriuki et al., 2021).

Dalam konteks SDG, perancangan dan pengurusan aktiviti yang sistematik menyumbang kepada SDG 4: Pendidikan Berkualiti, kerana ia memastikan pelajar sekolah mendapat pendedahan akademik yang relevan dan bermakna. Selain itu, penglibatan pelajar universiti dalam program ini membantu menyokong SDG 17: Perkongsian untuk Mencapai Matlamat, yang menekankan kepentingan kolaborasi antara universiti, sekolah, sektor swasta, dan masyarakat dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan.

Hasil kepada Pelajar Sekolah: Peningkatan Aspirasi Akademik dan Jati Diri

Pelajar sekolah yang menyertai program ini akan mendapat pendedahan yang lebih jelas mengenai kehidupan universiti, bidang pengajian, dan peluang kerjaya yang boleh mereka ceburi pada masa hadapan. Hal ini penting kerana kajian mendapati bahawa ramai pelajar, terutama dari luar bandar dan keluarga berpendapatan rendah, tidak mempunyai gambaran yang jelas mengenai kepentingan pendidikan tinggi dan bagaimana ia boleh mempengaruhi masa depan mereka (Nonglait & Myrthong, 2021; Riedel et al., 2023).

Dengan berinteraksi secara langsung dengan

pelajar universiti, peserta sekolah dapat meningkatkan keyakinan diri mereka dalam menetapkan hala tuju akademik. Sesi mentor menti yang dijalankan membolehkan mereka bertanya soalan mengenai cabaran dan peluang dalam kehidupan di universiti. Pengalaman ini membantu menghapuskan stigma bahawa pendidikan tinggi hanya untuk golongan tertentu, sekali gus menggalakkan pelajar daripada latar belakang kurang berkemampuan untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan akademik.

Selain itu, program ini memberi pendedahan kepada pendidikan berasaskan nilai dengan menekankan nilai keazaman, disiplin, dan kebertanggungjawaban dalam kalangan pelajar. Apabila mereka melihat pelajar universiti yang berjaya menguruskan program dengan dedikasi dan semangat kepimpinan, ia menjadi inspirasi kepada mereka untuk membentuk karakter yang lebih positif dan proaktif. Melalui aktiviti seperti kuiz interaktif, bengkel kerjaya, dan lawatan maya ke universiti, pelajar akan lebih bermotivasi untuk mencapai kecemerlangan akademik dengan kesedaran bahawa ilmu adalah aset penting untuk masa depan mereka.

Dari sudut SDG, program ini menyumbang kepada SDG 4: Pendidikan Berkualiti yang menekankan kepentingan pendidikan inklusif dan berkualiti bagi memastikan semua individu mendapat peluang pembelajaran sepanjang hayat. Peningkatan akses kepada maklumat pendidikan tinggi serta bimbingan daripada pelajar universiti dapat membantu mengurangkan jurang pendidikan antara pelajar luar bandar dan bandar. Selain itu, program ini juga menyokong SDG 10: Pengurangan Ketidaksamaan dengan memberi peluang yang sama kepada pelajar daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi untuk mendapatkan pendedahan akademik yang lebih luas.

Hasil kepada Pelajar Universiti: Pembangunan Kepimpinan, Kemahiran Insaniah, dan Kesedaran Sosial

Bagi pelajar universiti yang terlibat dalam penganjuran program ini, pengalaman yang diperoleh bukan sahaja membantu mereka membina kemahiran pengurusan projek dan kepimpinan, malah turut memperkukuh nilai tanggungjawab sosial dalam diri mereka. Penglibatan dalam aktiviti ini membolehkan pelajar universiti memahami realiti pendidikan di peringkat sekolah, terutamanya cabaran yang dihadapi oleh pelajar sekolah dalam mendapatkan akses kepada maklumat dan peluang akademik.

Dari sudut VBE, program ini membentuk pelajar universiti yang memiliki kesedaran sosial yang

tinggi serta sikap empati terhadap komuniti. Mereka belajar untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk sekolah, institusi pendidikan, dan NGO, bagi memastikan program berjalan dengan baik. Kemahiran seperti pengurusan masa, penyelesaian masalah, kerja berpasukan, serta komunikasi berkesan diperkukuhkan sepanjang proses ini, menjadikan mereka lebih bersedia menghadapi dunia pekerjaan selepas tamat pengajian.

Selain itu, program ini juga mendidik pelajar universiti tentang pentingnya nilai keterangkuman dan keadilan sosial. Dengan melihat sendiri jurang pendidikan yang wujud, mereka lebih cenderung untuk menyumbang kepada pembangunan komuniti pada masa hadapan, sama ada melalui kerja sukarela, penyelidikan impak sosial, atau inisiatif lain yang dapat membantu memperbaiki sistem pendidikan negara. Kajian menunjukkan bahawa pelajar universiti yang terlibat dalam aktiviti khidmat masyarakat lebih cenderung untuk menjadi pemimpin yang berorientasikan penyelesaian dan inovasi sosial (Lubis et al., 2023).

Dalam konteks SDG, program ini menyumbang kepada SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi, di mana pembangunan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa akan meningkatkan daya saing mereka di pasaran kerja. Pengalaman dalam pengurusan program dan interaksi dengan pelbagai pihak akan memberi kelebihan kepada mereka dalam kerjaya kelak. Selain itu, program ini juga menyokong SDG 17: Perkongsian untuk Mencapai Matlamat, yang menekankan pentingnya kerjasama antara universiti, sekolah, industri, dan masyarakat dalam memperkukuhkan sistem pendidikan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kejayaan sesuatu program bergantung kepada tahap perancangan dan pengurusan yang sistematik. Tanpa perancangan yang baik, program mungkin tidak mencapai objektifnya atau hanya memberi impak sementara. Oleh itu, program universiti ke sekolah perlu dirancang dengan strategi yang jelas, pengurusan sumber yang cekap, serta pemantauan dan penilaian yang berterusan. Dengan pendekatan ini, program bukan sahaja akan memberi manfaat kepada pelajar sekolah dan universiti, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih berdaya saing dan berpengetahuan di masa hadapan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada warga Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK), Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM) yang menyokong aktiviti komuniti, terutama sekali kepada staf dan pelajar Program Sains Forensik yang menjadi tulang belakang dalam penganjuran aktiviti komuniti dan mencetuskan idea untuk penulisan artikel ini.

RUJUKAN

- Anggara, D., Mujahadah, N., Amrullah, L., Hidayatullah, I., Jurusan, J., Anjani, J., Dusun, S., Tapat, T., No.Km, Suralaga, K., Suralaga, Lombok, K., Timur, N., & Bar, T. (2024). Membangun Mindset dan Motivasi Siswa SMA Plus Nw Islam Pohgading untuk Melanjutkan Studi ke Perguruan Tinggi. *Jurnal Pengabdian Masyarakat Sains Dan Teknologi*, 3(2). <https://doi.org/10.58169/jpmsaintek.v3i2.438>
- Archer, M., DeWitt, J., Davenport, C., Keenan, O., Coghill, L., Christodoulou, A., Durbin, S., Campbell, H., & Hou, L. (2021). Going beyond the one-off: How can STEM engagement programmes with young people have real lasting impact? *Research for All*, 5(1), 67–85. <https://doi.org/10.14324/RFA.05.1.07>
- Ba, A. (2021). How to measure monitoring and evaluation system effectiveness? *African Evaluation Journal*, 9(1), a553. <https://doi.org/10.4102/aej.v9i1.553>
- Baskaran, V., & Abdullah, N. (2023). CONSTRAINTS AND CHALLENGES OF STEM EDUCATION IN MANJUNG DISTRICT'S SECONDARY SCHOOLS. *International Journal of Management Studies and Social Science Research*, 5(4 July-August). <https://doi.org/10.56293/ijmssr.2022.4679>
- Bock, J. T. C., De Waladt, I., & Plessis, D. (2025). University-Community Engagement: Challenges and Mitigation Strategies. A Systematic Literature Review and Future Research Directions. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2024.8120265>
- Brown, K., Heise, N., Nelson, J., Hall, H., Ivie, K., Meyer, C., Eitel, C., Walrond, J., & Clapp, T. (2021). Engaging Rural High School Students in

- STEM Utilizing Graduate Mentors, Virtual Reality and Case-based Learning. *The FASEB Journal*, 35(S1). <https://doi.org/10.1096/FASEBJ.2021.35.S1.03790>
- Cornwell, C., Schmutte, I., & Scur, D. (2019). Building a Productive Workforce: The Role of Structured Management. *Labor: Personnel Economics EJournal*, 67(12). <https://doi.org/10.1287/mnsc.2021.3960>
- Fray, L., Gore, J., Harris, J., & North, B. (2020). Key influences on aspirations for higher education of Australian school students in regional and remote locations: a scoping review of empirical research, 1991–2016. *The Australian Educational Researcher*, 47, 61–93. <https://doi.org/10.1007/S13384-019-00332-4>
- Hamid, M. H. A., Ariffin, A. F., & Yusri, M. Y. (2024). Assessment of Factors Influencing Students' Decision After Secondary School: A Study on The Declining Enrollment Trend in Tertiary Education. *International Journal of Modern Education*, 6(21). <https://doi.org/10.35631/ijmoe.621035>
- Hayat, K., Hafeez, M., Bilal, K., & Shabbir, M. (2022). Interactive Effects of Organizational Structure and Team Work Quality on Project Success in Project Based Non Profit Organizations. *IRASD Journal of Management*, 4(1). <https://doi.org/10.52131/jom.2022.0401.0064>
- Huang, R. X., Pagano, A., & Marengo, A. (2024). Values-Based Education for Sustainable Development (VbESD): Introducing a Pedagogical Framework for Education for Sustainable Development (ESD) Using a Values-Based Education (VbE) Approach. *Sustainability*, 16(9). <https://doi.org/10.3390/su16093562>
- Humavindu, M., & Stage, J. (2015). Community-based wildlife management failing to link conservation and financial viability. *Animal Conservation*, 18(1), 4–13. <https://doi.org/10.1111/acv.12134>
- Idris, R., Govindasamy, P., & Suppiah, N. (2023). Trends and Considerations of Self-Efficacy of STEM Education in Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 5(1), 208–215. <https://doi.org/10.55057/ijares.2023.5.1.20>
- Jameson, C., & Torres, K. (2019). Fostering Motivation When Virtually Mentoring Online Doctoral Students. *Journal of Educational Research and Practice*, 9(1). <https://doi.org/10.5590/JERAP.2019.09.1.23>
- Khadijah, S., Indrawati, H., & Suarman, S. (2017). The Factors That Influence Student's Interest in Continuing Higher Education. *International Journal of Economic, Business & Applications*. <https://doi.org/10.31258/ijeba.11>
- Liputo, N. A., Olilingo, F. Z., & Niswatin, N. (2025). Exploration of Students' Interest Levels in Continuing their Education to Higher Education. *Journal of Asian Multicultural Research for Educational Study*, 5(4). <https://doi.org/10.47616/jamres.v5i4.569>
- Lubis, D. S. W., Dinamika, S. G., & Lubis, Y. A. (2023). Membentuk Jiwa Leadership pada Santri Pesantren Modern Saifullah An-Nahdliyah Melalui Kegiatan Outing Class. *PaKMas: Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 3(2). <https://doi.org/10.54259/pakmas.v3i2.2103>
- Mitsopoulou, A., & Pavlatou, E. A. (2024). Investigating the Factors Contributing to the Formation of Secondary School Students' Interest towards Higher Education Studies. *Education Sciences*. <https://doi.org/10.3390/educsci14020183>
- Muriuki, N. L., Nyonje, R., & Omutoko, J. L. (2021). EFFICACY OF MONITORING AND EVALUATION SYSTEMS IN THE PERFORMANCE OF GOVERNMENT SPONSORED PROJECTS. *International Journal of Advanced Research*, 9(12), 923–933. <https://doi.org/10.21474/ijar01/13991>
- Nonglait, F. L., & Myrthong, E. (2021). Rural Students Transition into Higher Education in Meghalaya: Challenges and Coping Strategies. *The Qualitative Report*, 26(5). <https://doi.org/10.46743/2160-3715/2021.4759>
- Nugent, G., Barker, B., Welch, G., Grandgenett, N., Wu, C., & Nelson, C. (2015). A Model of Factors Contributing to STEM Learning and Career Orientation. *International Journal of Science Education*, 37, 1067–1088. <https://doi.org/10.1080/09500693.2015.1017863>
- Pagliawan, D., & Comaling, J. (2024). Enhancing Education Sector Collaboration: the Contributions of Community Colleges. *International Journal For Multidisciplinary Research*, 6(4). <https://doi.org/10.36948/ijfmr.2024.v06i04.25604>
- Radzi, N. A. M., Rosaidi, N. A., Rahman, A. A., Sazali, N. A. S. M., & Rastom, R. (2024). SPM LEAVERS; TO STUDY OR NOT TO STUDY? *International Journal of Modern Education*, 6(21). <https://doi.org/10.35631/ijmoe.621041>
- Riedel, C., Null, N., Null, N., Null, N., Null, N., & Null, N. (2023). Bridging the Gap Between

- Rural Communities and Higher Education. *John Heinrichs Scholarly & Creative Activities Day*, 107. <https://doi.org/10.58809/BQTE3458>
- Rizaldi, D. R., Fatimah, Z., Zaenudin, M., & Umami, B. E. U. (2022). Increase Students Interest and Confidence in Continuing Study in Higher Education. *Innovare Journal of Education*, 10(3), 13–17. <https://doi.org/10.22159/ijoe.2022v10i3.44352>
- Tinoco-Giraldo, H., Sánchez, E. M. T., & García-Peñalvo, F. (2020). E-Mentoring in Higher Education: A Structured Literature Review and Implications for Future Research. *Sustainability*, 12(11). <https://doi.org/10.3390/su12114344>
- Turpie, J., & Letley, G. (2021). Would community conservation initiatives benefit from external financial oversight? A framed field experiment in Namibia's communal conservancies. *World Development*, 142, 105442. <https://doi.org/10.1016/J.WORLDDEV.2021.105442>

Nur Waliyuddin Hanis Zainal Abidin*
 Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Kampus Kesihatan,
 Universiti Sains Malaysia,
 16150, Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: waliyuddin@usm.my